

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]
TARIKH : 13 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan mesin MRI dan CT Scan dan sama ada ianya berfungsi atau tidak di semua hospital Kerajaan dan swasta berdasarkan pecahan negeri dan sama ada ianya dibeli atau disewa serta nyatakan kosnya.

Tuan Yang di-Pertua

Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya mempunyai rekod bilangan mesin MRI dan CT scan di hospital KKM sahaja. Sehingga 31 Ogos 2014, terdapat 70 buah mesin CT scan dan 35 buah mesin MRI di hospital KKM. Daripada jumlah tersebut, 54 buah mesin CT scan dan 31 buah mesin MRI masih berfungsi dan selebihnya telah rosak untuk pelupusan.

Semua CT scan dan MRI di bawah KKM adalah dibeli menggunakan peruntukan Kerajaan dan bukan disewa. Anggaran kos membeli sebuah mesin CT scan mengikut kapasiti 16, 32, 64, dan 128 *slices* adalah di dalam lingkungan RM1.5juta sehingga RM5juta dan anggaran kos membeli sebuah MRI adalah RM3.3 juta ke atas termasuk kos pengubahsuaian lokasi penempatan mesin berkenaan.